

**#AgongKita: 'I am a kampung boy' - YDP Agong
Astro Awani
26 Julai 2019
Firdaus Azil,**

KUALA LUMPUR: "I was born in Pahang, I was born in a kampung, I am a kampung boy" - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhun Sultan Haji Ahmad Shah Al Musta'in Billah Shah.

Ungkapan itu kedengarannya biasa sahaja, namun apabila ia diungkapkan oleh seorang Raja, dan seterusnya bakal ditabalkan sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-XVI pada 30 Julai ini, ia secara jelas dan nyata menggambarkan keperibadian anak kelahiran Pekan, Pahang, berusia 60 tahun itu.

Editor Eksekutif Astro AWANI Ashwad Ismail dan Editor Kanan Astro AWANI Cynthia Ng diperkenan masuk menghadap di Istana Negara baru-baru ini untuk mencari sisi lain Al-Sultan Abdullah.

Dan kedua-dua mereka mengakui Tuanku menepati ciri-ciri seorang Raja yang ideal.

Baginda Tuanku, menurut hemat mereka, seorang Raja yang sangat down-to-earth, cool, dan sangat articulate dalam membicarakan hal ehwal isu semasa.

Deretan topik disentuh dalam temu bual lebih kurang satu jam itu - mereka berbicara soal keperibadian sewaktu Baginda dilahir dan dibesarkan sebagai sebagai ‘anak kampung’, kegilaan Tuanku terhadap sukan, pesona Raja Permaisuri Agong Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Almarhum Sultan Iskandar yang menambat hati Baginda, penggunaan media sosial seperti Instagram, sehinggalah ke topik Forum Ekonomi Dunia (WEF).

Pada awal temu bual, Baginda Tuanku, yang gemar membahaskan dirinya sebagai ‘saya’, berkongsi bagaimana kehidupan Tuanku sewaktu pada zaman persekolahan, sehinggalah menginjak usia remaja.

“Masa saya remaja tak ada protokol, tak ada protokol. Saya boleh, keluar berbasikal dengan anak-anak kampung semua. Ya, sebab kita duduk dalam suasana kampung, tidak ada protokol langsung, tidak ada bodyguard pun, masa sekolah dulu tidak ada bodyguard pun.

“Pergi sendiri saja ... kadang-kadang saya berbasikal. Seperti biasa, seperti anak-anak biasa. Itu yang mungkin membuat saya secara spontan saya boleh berinteraksi dengan orang kampung,” ungkap Al-Sultan Abdullah secara bersahaja.

Peduli hal rakyat

Melewati masa, Al-Sultan Abdullah mula dipertanggungjawabkan oleh Almarhum Paduka Ayahandanya untuk mengambil tahu perihal rakyat jelata Negeri Pahang, apatah lagi Baginda Tuanku merupakan pewaris sah kepada Kesultanan Pahang Moden.

“Melalui proses saya dari muda, daripada lantikan sebagai Tengku Mahkota, usia yang muda, 15 tahun. Kemudian saya diberi segala amanah, segala tanggungjawab

oleh Paduka Ayahanda saya. Saya percaya tentu ada sebab-sebab yang tertentu, Ayahanda saya telah memberi tanggungjawab sedemikian.

“Dan inilah hasil daripada apa yang saya melalui kehidupan saya iaitu banyak, banyak perkara yang berkaitan dengan rakyat, ataupun kerajaan, ataupun organisasi, atau pun keluarga, dia selalu, Ayahanda saya selalu melepaskan kepada saya. Tolong sort this out, tolong tengok ini, tolong bantu ini, tolong pembetulan ini,” ujar Tuanku.

Tuanku memaklumkan, pengalaman dan pemerhatian baginda ke atas corak pemerintahan Almarhum Paduka Ayahandanya banyak membentuk keperibadian Tuanku sendiri terutama sekali dalam memupuk sikap utamakan rakyat jelata.

Menyentuh mengenai keterbukaan baginda dan baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Azizah sendiri, serta Istana Negara dalam penggunaan media sosial, Tuanku turut berkongsi, ia adalah satu 'avenue' yang harus digunakan sebaik mungkin.

“Inilah cara kita boleh kenal sedikit sebanyak, memberi pandangan ... dan Alhamdulillah ... Istana Negara dah terbuka sekarang kepada mereka-mereka yang minat tahu tentang hal-hal Istana dan juga Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri,” ujar Baginda Tuanku lagi.

© 2019 Astro Awani Network Sdn. Bhd.

(535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/agongkita-i-am-kampung-boy-ydp-agong-213037>